

09/02/1997

Jangan ikut nafsu: Dr M (HL)

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat jangan lupa diri dan terlalu mengikut nafsu, sebaliknya mesti terus mengamalkan kesederhanaan serta mengekalkan hubungan baik antara kaum demi memelihara keamanan dan kemakmuran negara.

Menurut Perdana Menteri, rakyat harus sedar bahawa keamanan dan kemakmuran yang dinikmati negara hasil sikap sederhana dan hubungan baik semua kaum, tidak akan kekal dengan sendirinya tanpa dipelihara.

"Percayalah, jika kita lupa dan ikut nafsu, negara kita juga akan dilanda huru-hara seperti yang kita lihat di negara membangun lain," katanya dalam peruntusan Hari Raya Aidilfitri yang disiarkan secara langsung oleh Radio dan Televisyen Malaysia, malam semalam.

Dr Mahathir berkata, negara ini bukan sahaja mempunyai orang Islam, tetapi juga orang bukan beragama Islam.

"Sudah menjadi suatu kebiasaan bagi kita mengunjungi rakan-rakan ketika perayaan masing-masing dan kunjungan kita bukanlah mempunyai apa-apa maksud keagamaan.

"Ia hanyalah untuk mewujudkan keadaan perhubungan sosial yang baik dan menolong membawa keamanan dan kesejahteraan kepada negara kita," katanya.

Menurut Perdana Menteri, dengan ini rakyat dapat hidup bahagia dan mengamalkan ajaran serta ibadat agama masing-masing dalam keadaan tidak terganggu.

"Sebaliknya, kita tahu di negara-negara di mana usaha menjalinkan hubungan yang baik tidak ada, permusuhan sering berlaku, walaupun penduduknya seagama," katanya.

Beliau juga berkata, agama Islam bukanlah halangan sekiranya umat Islam benar-benar ingin memajukan negara dan mengembalikan kegemilangan mereka.

"Sebenarnya jika ajaran Islam ditafsir tanpa kepentingan politik tertentu dan tafsiran ini dijadikan panduan, tidak ada sebab kenapa negara Islam tidak boleh aman dan maju, mampu menyaingi negara-negara maju lain dalam apa jua bidang, termasuk sains dan teknologi dan keupayaan pertahanan seperti yang dikehendaki oleh agama Islam.

"Kita boleh berbangga kerana Malaysia, di bawah permerintahan majoriti Islam, aman dan maju jaya. Rakyat Malaysia lebih mewah daripada rakyat kebanyakan negara membangun lain. Dan kita mungkin akan mencapai kemajuan yang lebih lagi sehinggalah kita dapat menjadi negara maju menjelang tahun 2020," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa negara maju yang dimaksudkan ialah negara yang berkebolehan dalam semua bidang utama dengan pendapatan yang memberi keselesaan hidup dan lebih penting mempunyai moral, etika serta pegangan agama yang tinggi.

Menurutnya, daripada meniru amalan buruk dari Barat, orang Islam di negara ini sepatutnya mencontohi kejayaan orang bukan Islam di negara ini dalam mempertahankan diri daripada hasutan nafsu, dedikasi kepada pelajaran dan kerja.

"Apakah salah dan bertentangan dengan agama kita jika kita meniru yang baik yang dilakukan oleh orang bukan Islam, sedangkan kita begitu mudah meniru yang buruk sebagai sebahagian cara hidup mereka?" katanya.

Beliau juga berharap sementara umat Islam berseronok menyambut Aidilfitri, mereka perlu insaf dan sedar mengenai gejala buruk yang dihadapi masyarakat Islam, seperti jenayah juvana, mendera dan membuang anak serta perceraian dan penyalahgunaan dadah.

"Sebenarnya di negara ini segala kurniaan Tuhan adalah baik-baik belaka. Malaysia adalah negara yang tanahnya subur dengan hujan yang menghidjaukan seluruh negara, air dan makanan yang tidak pernah tidak cukup, iklim yang sederhana dan tidak diserang ribut taufan dan gempa bumi yang dahsyat.

"Terpulanglah kepada kita untuk mencapai hidup yang bahagia dengan segala kurniaan Tuhan. Sebenarnya beban kita di negara tercinta ini amatlah ringan. Kita dapat hidup selesa dengan sedikit usaha sahaja. Dan jika kita rajin dan berdisiplin sedikit, kita dapat menjadi kaya dan bahagia," katanya.

(END)